

# Jumlah sampah di pantai meningkat setiap tahun

UM 13/9/2024 PG 34

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**MARANG:** Sebanyak 21 tan sampah berjaya dikutip oleh Geng Plastik Ija (GPI) di lebih 50 lokasi pantai seluruh Terengganu sejak Januari hingga Julai lalu.

Pengerusi GPI, Zulkefli Sarji berkata, ia adalah hasil 91 program gotong-royong diadakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk komuniti setempat untuk membersihkan sampah yang terdapat di pantai-pantai tumpuan pengunjung di Terengganu.

Menurutnya, jumlah sampah yang berjaya dikutip melalui program gotong-royong GPI sentiasa meningkat saban tahun iaitu 4.3 tan pada 2020 kepada 11.5 tan (2021) dan 30.2 tan (2022).

“Pada 2023, kita berjaya merekodkan kutipan sampah sebanyak 35.1 tan dan setakat Julai tahun ini, jumlahnya sudah mencecah 21 tan.

“GPI sangat berharap lebih ramai sukarelawan dapat menyertai gotong-royong membersihkan pantai yang kami adakan kerana ia penting untuk kelestarian alam sekitar kepada generasi akan datang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan kebimbangan pakar di peringkat global kerana diramalkan dalam tempoh kira-kira 25 tahun lagi, jumlah plastik di lautan akan melebihi populasi ikan jika masalah pembuangan dan pencemaran bahan itu



**SEBAHAGIAN** peserta program gotong-royong anjuran Geng Plastik Ija (GPI) di Pantai Angin Berbisik, Marang, Terengganu, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

tidak ditangani dengan baik.

Sampah plastik yang terdedah pada cuaca berbeza seperti cahaya, ombak, arus, udara dan pasang surut semasa di laut seterusnya membentuk mikroplastik dan situasi itu sangat menakutkan kerana pencemaran bahan itu menjadi ancaman kepada badan manusia apabila memasuki sistem rantaian makanan melalui ikan.

Mengulas lanjut, Zulkefli berkata, sejak bermula pada 2017, GPI sentiasa menjalankan program pembersihan dengan proaktif dan hasilnya sehingga kini terdapat 25,198 sukarelawan dari pelbagai latar belakang menyertai usaha itu.

Tambahnya, tumpuan utama GPI adalah pantai kerana ia adalah aset yang sangat berharga buat Terengganu dalam men-

jana ekonomi dan daya tarikan pelancongan.

“Ketika ini pantai-pantai di Terengganu amat tercemar dengan sampah bawaan air terutama ketika musim tengkujuh.

“Ada juga sampah yang ditinggalkan pengunjung di pantai ini kerana kurangnya kesedaran mereka terhadap kebersihan,” ujarnya.